

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 3 TAHUN 2016

GARIS PANDUAN PENGURANGAN PREMIUM DENDA DAN PREMIUM TAMBAHAN KEATAS PERMOHONAN MILIK TANAH DIBAWAH SEKSYEN 76 KANUN TANAH NEGARA 1965.

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa YAB Dato' Menteri Besar Kelantan dalam ucapan Belanjawan Negeri Kelantan bagi tahun 2017 telah mengumumkan mengenai tawaran pengurangan sebarang denda pembangunan tanah sebanyak 90% . Tawaran tersebut berkuatkuasa dalam tempoh bermula pada 1 November 2016 sehingga 31 Disember 2016 sahaja.

2. Sehubungan dengan itu, garis panduan bagi pengurangan premium denda dan premium tambahan adalah seperti berikut:-


2.1. Setiap permohonan rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah dengan menggunakan format borang **dilampiran I**.

2.2. Syarat-Syarat Permohonan

- a. Kelayakan hanya kepada Individu sahaja / Bukan Agensi Kerajaan atau Syarikat
- b. Pemohon telah menerima Surat Tuntutan Bayaran Jelas daripada Pentadbir Tanah dan Jajahan.
- c. Pemohon telah mendapat perakuan daripada Mesyuarat JHEAT dan belum mendapat kelulusan PBN **atau** Pemohon tersebut telah mendapat kelulusan /Notis 5A dan belum menjelaskan bayaran tersebut.

- 2.3. Semua Pentadbir Tanah dikehendaki menghantar senarai fail permohonan yang mematuhi kriteria 2.2.(a)(b) (c) di atas untuk disahkan dan untuk semakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri menggunakan format senarai sebagaimana **lampiran II**.
- 2.4. Setelah pengesahan daripada Pengarah Tanah dan Galian diterima, Pentadbir Tanah hendaklah memaklumkan pengesahan pengurangan tersebut secara sijil/bersurat menggunakan format **di lampiran III** kepada pemohon dan memasukkan/mencatatkan pengurangan tersebut didalam fail tanah masing-masing.
- 2.5. Syarat-Syarat Kelulusan
 - a. Menjelaskan semua bayaran yang sepatutnya dibayar dalam tempoh 1 bulan dari tarikh kelulusan.
 - b. Bayaran memfail permohonan dikenakan sebanyak RM20.00

2. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan tersebut.



DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, DPSK (Kelantan)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN

KEPADА:

Yang Amat Berbahagia/Yang Amat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan

2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato'Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB.Dato'Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
5. YB.Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YABts. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO : PTG.KN.32/69 Jld.4(11)
BERTARIKH : 09 SAFAR 1438H
09 November 2016**

NO. FAIL : _____

RAYUAN PENGURANGAN BAYARAN PREMIUM BAGI PERMOHONAN MILIK TANAH**1. PERIHAL PEMOHON**

1.1. Nama Pemohon : _____

1.2. No. K/P. Pemohon : _____

1.3. Pekerjaan : _____

1.4. Pendapatan : _____

1.5. Alamat Pemohon : _____
_____**2. PERIHAL TANAH**

2.1. No. Lot / PT : _____

2.2. Mukim : _____

2.3. Daerah : _____

2.4. Keluasan : _____

2.5. Jenis Kegunaan : _____

2.6. Syarat Nyata : _____

3. KADAR PREMIUM YANG DIKENAKAN

3.1. Kadar Premium Biasa : _____

3.2. Kadar Premium Denda : _____

3.3. Kadar Premium Tambahan : _____

4. JUMLAH DEPOSIT : _____

(Tandatangan Pemohon)

Lampiran II

SENARAI FAIL PERMOHONAN YANG TERLIBAT DENGAN PENGURANGAN PREMIUM DENDA DAN PREMIUM TAMBAHAN 90%

BIL	MAKLUMAT PEMOHON	TARIKH PERAKUAN JHEAT	PREMIUM BIASA	PREMIUM DENDA	PREMIUM TAMBAHAN	PENGURANGAN 90%	JUMLAH
1	Nama : No. K/P: No. Fail :						

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,



SIJIL PENGESAHAN PENGURANGAN 90%

PREMIUM DENDA DAN PREMIUM TAMBAHAN

Adalah ini disahkan bahawa pemohon sebagaimana berikut :

Nama : _____

No. K/P : _____

No. Fail : _____

Diluluskan pengurangan 90% Premium Denda dan Premium Tambahan sebanyak
RM _____.

Tarikh :

Pentadbir Tanah

* Pemohon dikehendaki membuat bayaran dalam tempoh sebulan dari tarikh kelulusan.